

29/04/1997

Industri kereta nasional perlu berdikari: Anwar

SERENDAH, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan industri kereta nasional supaya tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan sebaliknya meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai persediaan untuk bersaing di pasaran terbuka.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pada masa depan, industri automobil tempatan akan bersaing secara bebas seperti termaktub dalam Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang ditandatangani Malaysia.

Kesan persaingan terbuka itu, katanya, hanya dapat diatasi jika industri automobil tempatan meningkatkan keupayaan di bidang R&D mulai sekarang.

"Masa depan kita bergantung kepada kekuatan teknologi yang dikuasai anak tempatan. Sementara mendapat bantuan negara lain sekarang, kita juga perlu melengkapkan pekerja kita dengan teknologi.

"Ini adalah persediaan apabila kita terpaksa bersaing dengan pengeluar yang lebih berpengalaman dan lebih besar. Dalam tempoh singkat, soal ini harus ditangani dengan baik," katanya berucap merasmikan bahagian pemasangan baru, Perodua Rusa di kilang Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) di sini, hari ini.

Bahagian pemasangan baru itu akan mempercepatkan pengeluaran Rusa yang sebelum ini berkongsi dengan Kancil. Jumlah pengeluaran kilang berkenaan dijangka dapat dimaksimumkan sehingga 120,000 unit setahun.

Setakat ini, kilang berkenaan sudah mengeluarkan 116,231 unit kenderaan. Pada penghujung tahun lalu, 65,215 Kancil dan Rusa dikeluarkan di kilang berkenaan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut berbangga kerana Perodua mencatatkan kejayaan dalam tempoh singkat.

Menurutnya, ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Perodua sebagai projek kereta nasional kedua, ramai yang tidak menyangka ia mampu mencapai kedudukan sekarang.

"Kita ada pengalaman dalam industri automobil iaitu Proton tetapi tidak ada sesiapa yang menjangka kemajuan Perodua lebih cepat daripada yang disangkakan.

"Ini adalah kebijaksanaan Pengerusi dan ahli lembaga pengarah Perodua, pengurusannya dan tentu sekali sumbangan serta semangat disiplin pekerja di semua peringkat," katanya.

Anwar berkata, pencapaian itu membuktikan negara lain yang menuju status negara maju belum dapat bersaing dengan negara membangun termasuk dari segi kos dan kecepatan.

Beliau turut berbangga kerana Perodua sudah menembusi pasaran antarabangsa sekali gus membuktikan mutu pengeluaran kereta tempatan diiktiraf dan boleh bersaing dengan negara lain.

"Saya dimaklumkan, Perodua mendapat Sijil Kelulusan Seluruh Kenderaan Bagi Komuniti Eropah (ECWVTA) dan Sijil Kesesuaian Untuk Pengeluaran (COP) daripada United Kingdom. Ini tidak boleh kita bayangkan dalam tempoh 10 atau 20 tahun lalu.

Turut hadir di majlis itu ialah isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Pengerusi Perodua, Raja Tun Mohar Raja Badiozaman.

Anwar kemudiannya menyaksikan upacara penyerahan sijil ECWVTA dan COP oleh Wakil Agensi Persijilan Kenderaan United Kingdom, Paul Townend kepada Pengarah Urusan Perodua, Abdul Rahman Omar.

Sempena majlis itu, Perodua menyumbangkan dua Rusa, masing-masing sebuah

kepada Hospital Mata Tun Husein Onn dan Badan Amal Bagi Kanak-Kanak Istimewa Selangor.

(END)